

D.R. 14/2015

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa—

(a) peruntukan yang berlainan Akta ini; atau

(b) semua peruntukan atau peruntukan yang berlainan Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori orang atau produk pasaran modal yang berlainan, termasuk produk pasaran modal Islam.

Pindaan am

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Suruhanjaya Sekuriti” di mana-mana jua terdapat perkataan “Malaysia” termasuklah dalam tajuk panjang, tajuk ringkas, Bahagian dan nota bahu Akta ibu.

Perubahan dalam sebutan tajuk ringkas Akta ibu

3. Segala sebutan mengenai Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Perubahan nama Suruhanjaya

4. Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta ibu hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, dikenali sebagai “Suruhanjaya Sekuriti Malaysia”.

Pindaan seksyen 2

5. Subseksyen 2(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “berniaga dalam sekuriti” takrif yang berikut:

‘ “Bank Negara Malaysia” ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701];’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “Bank Negara Malaysia” takrif yang berikut:

‘ “berniaga dalam derivatif” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(c) dengan menggantikan takrif “dokumen” dengan takrif yang berikut:

‘ “dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keterangan 1950 [Akta 56];’;

(d) dengan memasukkan selepas takrif “dokumen” takrif yang berikut:

‘ “entiti berkepentingan awam” ertinya entiti yang ditentukan dalam Bahagian 1 Jadual 1;’;

(e) dengan memotong takrif “jawatankuasa”;

(f) dengan memasukkan selepas takrif “jawatankuasa” takrif yang berikut:

‘ “jawatankuasa Lembaga”ertinya mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah seksyen 18;’;

(g) dengan memasukkan selepas takrif “Kumpulan Wang” takrif yang berikut:

‘ “kumpulan wang jadual” ertinya kumpulan wang yang ditentukan dalam Bahagian 2 Jadual 1;’;

(h) dengan memasukkan selepas takrif “kumpulan wang jadual” takrif yang berikut:

‘ “Lembaga” ertinya Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;’;

(i) dalam takrif “Majlis Penasihat Syariah”, dengan menggantikan perkataan “Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007” dengan perkataan “seksyen 31Z1”;

(j) dengan memasukkan selepas takrif “orang berlesen” takrif yang berikut:

‘ “organisasi pengawalseliaan sendiri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(k) dengan memasukkan selepas takrif “pasaran derivatif” takrif yang berikut:

‘ “pasaran diiktiraf” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(l) dengan memasukkan selepas takrif “pasaran diiktiraf “ takrif yang berikut:

‘ “pasaran modal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(m) dengan menggantikan takrif “pegawai” dengan takrif yang berikut:

‘ “pegawai”, berhubungan dengan—

(a) Suruhanjaya, ertinya mana-mana pegawai yang diambil kerja di bawah seksyen 20 dan termasuklah Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 125; dan

(b) suatu perbadanan, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965;’;

(n) dengan menggantikan takrif “pelaburan yang ditetapkan” dengan takrif yang berikut:

‘ “pelaburan ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(o) dengan menggantikan takrif “pengarah” dengan takrif yang berikut:

‘ “pengarah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(p) dalam takrif “Pengerusi”, dengan menggantikan perkataan “perenggan 4(1)(a)” dengan perkataan “perenggan 4(2)(a)”;

(q) dengan menggantikan takrif “perbadanan” dengan takrif yang berikut:

‘ “perbadanan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965;’;

(r) dengan memasukkan selepas takrif “peserta” takrif yang berikut:

‘ “produk pasaran modal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(s) dengan memasukkan selepas takrif “produk pasaran modal” takrif yang berikut:

‘ “produk pasaran modal Islam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(t) dengan menggantikan takrif “pusat penjelasan” dengan takrif yang berikut:

‘ “pusat penjelasan” ertinya pusat penjelasan yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(u) dengan menggantikan takrif “rekod” dengan takrif yang berikut:

‘ “rekod” termasuklah maklumat yang disimpan atau dirakamkan dengan cara menggunakan komputer, elektronik atau perantara digital atau apa-apa cara lain untuk menyimpan atau merakam;’;

(v) dengan memasukkan selepas takrif “rekod” takrif yang berikut:

‘ “repositori dagangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(w) dengan menggantikan takrif “skim pelaburan ditetapkan” dengan takrif yang berikut:

‘ “skim pelaburan ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

(x) dengan memasukkan selepas takrif “skim pelaburan ditetapkan” takrif yang berikut:

‘ “skim persaraan swasta” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

- (y) dengan menggantikan takrif “skim amanah saham” dengan takrif yang berikut:

“skim unit amanah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;’;

- (z) dengan menggantikan takrif “syarikat” dengan takrif yang berikut:

“syarikat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965;’;

- (aa) dalam takrif “Timbalan Ketua Eksekutif”, dengan menggantikan perkataan “perenggan 4(1)(aa)” dengan perkataan “perenggan 4(2)(b)”;

- (bb) dengan menggantikan takrif “undang-undang sekuriti” dengan takrif yang berikut:

“undang-undang sekuriti” ertinya—

(a) Akta ini;

(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

(c) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*];

(d) mana-mana perundangan lain yang Suruhanjaya diberi kuasa untuk mentadbir atau menguatkuasakan; dan

(e) apa-apa peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah perenggan (a), (b), (c) dan (d);’; dan

- (cc) dengan memasukkan selepas takrif “undang-undang sekuriti” takrif yang berikut:

“urusan atau transaksi pasaran modal Islam” ertinya—

(a) urusan menjalankan mana-mana aktiviti terkawal;

- (b) apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan, aktiviti atau perkara yang berhubungan dengan apa-apa produk pasaran modal, atau di bawah Bahagian IIIA atau Bahagian VI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (c) apa-apa transaksi yang berhubungan dengan derivatif; atau
- (d) penubuhan, pengendalian atau penyenggaraan suatu pasaran sekuriti atau pasaran derivatif,

yang selaras dengan prinsip Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah;’.

Pindaan seksyen 2A

6. Seksyen 2A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan ‘**dan “undang-undang sekuriti”**’;
- (b) dengan menggantikan perkataan ‘Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai “Akta ini” atau “undang-undang sekuriti” ’ dengan perkataan ‘Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai “Akta ini” ’; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini atau suatu undang-undang sekuriti, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini”.

Pindaan seksyen 2G

7. Seksyen 2G Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika di bawah mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti, kuasa diberikan kepada Suruhanjaya—

- (a) untuk memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku yang dikehendaki di bawah mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti untuk disimpan atau disenggara; atau

- (b) untuk menghendaki mana-mana orang, atau jika mana-mana orang yang dikehendaki di bawah undang-undang sekuriti, untuk mengemukakan apa-apa maklumat, dokumen atau buku,

Suruhanjaya hendaklah mempunyai akses bagi apa-apa maklumat, dokumen atau buku itu dan boleh—

- (A) menghendaki bahawa apa-apa maklumat, dokumen atau buku itu dikemukakan dalam apa-apa tempoh, mengikut apa-apa cara, dalam apa-apa bentuk, dan secara bertulis atau dengan menggunakan apa-apa rakaman visual sama ada imej pegun atau bergerak, atau rakaman bunyi, atau apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain sekalipun, atas apa-apa bahan, material, benda atau artikel, sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam spesifikasinya;
- (B) mendapatkan pembuatan semula yang jelas secara bertulis; atau
- (C) menyalin atau memindahkannya kepada suatu alat penyimpanan atau rakaman.”.

Penggantian seksyen 4

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

“Lembaga Suruhanjaya

4. (1) Hendaklah ada suatu Lembaga Suruhanjaya.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Ketua Eksekutif; dan
- (c) tujuh orang anggota yang lain, yang boleh termasuk orang yang mewakili kerajaan dan sektor swasta.

(3) Lembaga hendaklah—

- (a) bertanggungjawab untuk memantau keseluruhan tadbir urus Suruhanjaya;
- (b) bertanggungjawab untuk mengkaji semula dan meluluskan perancangan strategik dan bajet Suruhanjaya;
- (c) bertanggungjawab untuk mengkaji semula dan menerima pakai sistem dan kawalan yang sesuai untuk menguruskan risiko perusahaan Suruhanjaya;
- (d) mempunyai pengawasan ke atas hal ehwal dan urusan Suruhanjaya dan sentiasa mengkaji semula prestasi Suruhanjaya dalam melaksanakan matlamatnya, menjalankan fungsinya dan menggunakan sumber kewangan Suruhanjaya; dan
- (e) bertanggungjawab bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang sekuriti.

(4) Seseorang anggota Lembaga hendaklah pada setiap masa bertindak secara jujur dan demi kepentingan Suruhanjaya dan menggunakan usaha yang munasabah dalam menunaikan fungsinya.

(5) Seseorang anggota Lembaga tidak boleh menyalahgunakan apa-apa maklumat yang diperolehi atau menggunakan apa-apa pengaruh yang tidak wajar oleh sebab kedudukannya untuk mendapat, secara langsung atau tidak langsung, suatu kelebihan bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain.”.

Seksyen baru 4A dan 4B

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Pelantikan anggota Lembaga

4A. (1) Seseorang yang akan dilantik sebagai Pengerusi atau Timbalan Ketua Eksekutif di bawah seksyen 4 hendaklah

seorang yang mempunyai integriti dan reputasi yang amat baik dengan pengalaman yang terbukti dan pengetahuan yang diiktiraf dalam kewangan atau pasaran modal.

(2) Menteri, dalam melantik anggota Lembaga yang lain di bawah subseksyen 4(2), hendaklah memberi perhatian kepada—

- (a) kepelbagaian anggota Lembaga dalam hal minat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman; dan
- (b) kejujuran dan kedudukan orang itu dan pengetahuan, kemahiran, dan pengalamannya dalam undang-undang, ekonomi, kewangan, perakaunan atau dalam mana-mana disiplin lain yang berkaitan, yang akan membolehkannya melaksanakan fungsinya sebagai anggota Lembaga.

Pengerusi dan Timbalan Ketua Eksekutif

4B. (1) Pengerusi akan diamanahkan dengan pentadbiran dan pengurusan harian Suruhanjaya dan boleh, melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang bertulis lain, menjalankan segala kuasa dan melakukan segala perbuatan yang boleh dijalankan atau dilakukan oleh Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Semasa ketiadaan Pengerusi atau ketidakupayaan Pengerusi untuk bertindak atas apa-apa sebab, Timbalan Ketua Eksekutif hendaklah menjalankan fungsi Pengerusi.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), dalam hal apabila Timbalan Ketua Eksekutif itu tiada atau tidak berupaya untuk bertindak atas apa-apa sebab, seorang anggota kanan pengurusan Suruhanjaya yang ditentukan oleh Lembaga hendaklah menjalankan fungsi Pengerusi.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), Pengerusi boleh membawa apa-apa perkara berhubung dengan fungsi Suruhanjaya kepada Lembaga untuk pertimbangan atau arahan, jika difikirkannya perlu.”.

Penggantian seksyen 5

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang berikut:

“Kehilangan kelayakan anggota Lembaga

5. (1) Tiada seorang pun boleh dilantik atau terus kekal menjadi anggota Lembaga jika dia—

- (a) ialah atau menjadi seorang pegawai sepenuh masa di mana-mana syarikat awam tersenarai;
- (b) ialah atau menjadi seorang pegawai atau pengarah suatu entiti yang dilesenkan, didaftarkan, diiktiraf atau diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (c) ialah atau menjadi seorang anggota Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan;
- (d) telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang melibatkan fraud, kecurangan, rasuah atau keganasan;
- (e) ialah atau menjadi seorang bankrap atau menggantung pembayaran atau mencapai penyelesaian dengan pemiutangnya; atau
- (f) terlibat atau menjadi terlibat dalam apa-apa aktiviti yang boleh mengganggu kebebasannya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Larangan dalam perenggan (a) tidak terpakai bagi anggota Lembaga daripada Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.”.

Penggantian seksyen 6

11. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

“Tempoh jawatan

6. (1) Pengerusi hendaklah dilantik bagi tempoh tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula bagi tempoh yang sama.

(2) Timbalan Ketua Eksekutif dan mana-mana anggota lain Lembaga hendaklah dilantik bagi tempoh dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula bagi tempoh yang sama.”.

Penggantian seksyen 7

12. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut:

“Peletakan jawatan

7. Seseorang ahli Lembaga boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberi notis secara bertulis kepada Menteri.”.

Penggantian seksyen 8

13. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

“Pembatalan pelantikan

8. Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan anggota Lembaga sekiranya anggota itu—

- (a) menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan fungsinya;
- (b) tidak hadir dalam tiga mesyuarat Lembaga secara berturut-turut, dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri dan dalam hal Timbalan Ketua Eksekutif atau anggota-anggota lain Lembaga, tanpa kebenaran Pengerusi;
- (c) berkelakuan dalam keadaan yang membawa aib kepada Suruhanjaya;
- (d) gagal mematuhi obligasinya di bawah seksyen 13; atau
- (e) hilang kelayakan di bawah seksyen 5.”.

Pindaan seksyen 9

14. Seksyen 9 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Lembaga”.

Pindaan seksyen 10

15. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Lembaga”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.”.

Penggantian seksyen 11

16. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut:

“Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

11. Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihati Lembaga tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian tersebut.”.

Pindaan seksyen 13

17. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Seseorang anggota Lembaga atau mana-mana anggota jawatankuasa Lembaga yang mempunyai atau memperoleh kepentingan langsung atau tidak langsung

berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa Lembaga hendaklah mendedahkan kepada Lembaga atau jawatankuasa Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, kewujudan kepentingannya dan jenis kepentingannya itu.”;

- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya atau jawatankuasa” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Lembaga atau jawatankuasa Lembaga”;
- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya atau jawatankuasa” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Lembaga atau jawatankuasa Lembaga”; dan
- (d) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya atau jawatankuasa” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Lembaga atau jawatankuasa Lembaga”.

Pindaan seksyen 14

18. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya atau jawatankuasa” dengan perkataan “Lembaga atau jawatankuasa Lembaga”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa Lembaga yang suatu minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu adalah layak dengan sewajarnya untuk bertindak.”.

Pindaan seksyen 15

19. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “perindustrian sekuriti dan perindustrian derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”;

- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”;
- (c) dalam perenggan (e), dengan memasukkan selepas perkataan “skim unit amanah” perkataan “dan skim persaraan swasta”;
- (d) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “syarikat pemegang bursa, bursa” dengan perkataan “syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif”;
- (e) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “pasaran sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”;
- (f) dalam perenggan (i)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “berniaga dalam sekuriti, berdagang dan berniaga dalam derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “sekuriti atau derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”;
- (g) dalam perenggan (j), dengan menggantikan perkataan “undang-undang yang berhubungan dengan sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “undang-undang sekuriti”;
- (h) dalam perenggan (k), dengan menggantikan perkataan “pasaran sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”;
- (i) dalam perenggan (l), dengan menggantikan perkataan “badan-badan pasaran dalam perindustrian sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “institusi pasaran dalam pasaran modal”;
- (j) dalam perenggan (m), dengan menggantikan perkataan “membenarkan dan mengawasi” dengan perkataan “membenarkan, meluluskan dan mengawasi”;
- (k) dalam perenggan (n), dengan menggantikan perkataan “dalam perindustrian sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “, orang berdaftar, orang yang telah diluluskan dan peserta dalam pasaran modal”;

(l) dengan menggantikan perenggan (o) dengan perenggan yang berikut:

“(o) mendaftar atau mengiktiraf semua juruaudit entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual bagi maksud Akta ini, dan untuk mengawasi mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal”;

(m) dengan memasukkan selepas perenggan (o) perenggan yang berikut:

“(oa) menggalakkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit di Malaysia, dan untuk menggalakkan dan membangunkan suatu kerangka kerja pemantauan audit yang berkesan dan teguh di Malaysia;”;

(n) dalam perenggan (p), dengan menggantikan perkataan “pasaran sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”; dan

(o) dalam perenggan (r), dengan menggantikan perkataan “pasaran sekuriti dan derivatif;” dengan perkataan “pasaran modal.”.

Pindaan seksyen 17

20. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Pewakilan fungsi Lembaga dan Pengerusi”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana fungsinya kepada—

(a) mana-mana anggota Lembaga;

- (b) mana-mana jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan oleh Lembaga; atau
 - (c) mana-mana pegawai Suruhanjaya.”;
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
- “(1A) Pengerusi boleh mewakili mana-mana fungsinya kepada—
- (a) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pengerusi; atau
 - (b) mana-mana pegawai Suruhanjaya.”; dan
- (d) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” dengan perkataan “Lembaga atau Pengerusi”.

Pindaan seksyen 18

21. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**Suruhanjaya boleh menubuhkan jawatankuasa**” dengan perkataan “**Jawatankuasa Lembaga**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi membantunya” dengan perkataan “Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa, mengikut apa-apa bentuk dan dengan apa-apa jua nama dipanggil, sebagaimana yang didapati patut atau perlu bagi membantu Lembaga”;
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh terdiri daripada—

 - (a) mana-mana anggota Lembaga; dan
 - (b) mana-mana orang lain,

sebagaimana yang dilantik oleh Lembaga.”;

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Dalam melantik seseorang di bawah perenggan (2)(b), Lembaga hendaklah mengambil kira integriti, reputasi, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman orang itu, yang akan membolehkannya melaksanakan fungsinya sebagai anggota jawatankuasa Lembaga itu.

(2B) Fungsi jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah ditentukan oleh Lembaga.”; dan

(e) dengan memotong subseksyen (3), (4), (5), (6) dan (7).

Seksyen baru 18A

22. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

“Tatacara jawatankuasa Lembaga

18A. (1) Jawatankuasa Lembaga boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri dan, dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa Lembaga itu oleh Lembaga.

(2) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 hendaklah diadakan pada bila-bila masa, di mana-mana tempat dan dengan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa Lembaga, tertakluk kepada subseksyen (1).

(3) Jawatankuasa Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa Lembaga bagi maksud menasihati jawatankuasa Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang yang diundang sedemikian tidak berhak mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(4) Anggota sesuatu jawatankuasa Lembaga atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri apa-apa mesyuarat sesuatu jawatankuasa Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”

Pindaan seksyen 20

23. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**dan pengkhidmat-pengkhidmat**”; dan
- (b) dalam subsekyen (2), dengan memotong perkataan “dan pengkhidmat-pengkhidmatnya”.

Penggantian seksyen 21

24. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

“Suruhanjaya boleh mengeluarkan polisi mengenai tatatertib dan tingkah laku beretika

21. Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan polisi mengenai tatatertib dan tingkah laku beretika, dengan apa jua nama dipanggil atau mengikut apa-apa bentuk, bagi pegawai Suruhanjaya atau mana-mana pemegang saham perniagaan yang berurusan dengan Suruhanjaya.”

Pindaan seksyen 22

25. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**dan pengkhidmatnya**”; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “dan pengkhidmat-pengkhidmatnya”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “dan pengkhidmat”.

Penggantian seksyen 22A

26. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 22A dengan seksyen yang berikut:

“Suruhanjaya boleh menubuhkan atau menyertai pertubuhan perbadanan

22A. (1) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, menubuhkan atau menyertai mana-mana pertubuhan perbadanan bagi maksud memajukan penyelidikan dan latihan berhubung dengan pasaran modal, atau bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya boleh—

- (a) menerima sesuatu pemberian atau sumbangan;
- (b) membuat sesuatu pemberian atau sumbangan; atau
- (c) menyediakan apa-apa bentuk bantuan lain,

bagi penubuhan atau pengendalian pertubuhan perbadanan di bawah subseksyen (1).

(3) Wang yang diterima di bawah perenggan (2)(a) hendaklah disimpan dalam suatu akaun amanah yang ditentukan.

(4) Suruhanjaya hendaklah membayar wang di dalam akaun amanah yang ditentukan itu kepada orang yang berhak mengikut maksud yang baginya wang itu diterima oleh Suruhanjaya.

(5) Jika Suruhanjaya menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengambil apa-apa tindakan atau melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi—

- (a) kepentingan orang awam atau bagi perlindungan pelabur;
- (b) pentadbiran yang berkesan undang-undang sekuriti; atau
- (c) memastikan pematuhan mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan itu di bawah undang-undang sekuriti.”.

Pindaan seksyen 23

27. Subseksyen 23(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:
 - “(f) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan seksyen 24

28. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2A), dengan menggantikan perkataan “kemudahan elektronik yang didaftarkan” dengan perkataan “pasaran diiktiraf”; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Bursa-bursa” perkataan “atau pengendali pasaran diiktiraf, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan seksyen 26

29. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pengkhidmat-pengkhidmat” dengan perkataan “ejen”; dan
- (b) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:
 - “(e) secara amnya, membuat apa-apa pembayaran atau pemberian bagi melaksanakan peruntukan undang-undang sekuriti.”.

Pindaan seksyen 29

30. Subseksyen 29(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mungkin” dengan perkataan “dapat dilaksanakan”.

Pindaan seksyen 30

31. Seksyen 30 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam,” dengan perkataan “Menteri boleh, atas syor Lembaga, meluluskan Suruhanjaya untuk meminjam,”.

Pindaan seksyen 31A

32. Seksyen 31A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong takrif “entiti berkepentingan awam”;
- (b) dalam takrif “juruaudit”, dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”;
- (c) dalam takrif “juruaudit berdaftar”, dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”;
- (d) dalam takrif “juruaudit yang diiktiraf”, dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas takrif “Pegawai Penyiasat” takrif yang berikut:
 - ‘ “pengerusi eksekutif” merujuk kepada pengerusi eksekutif Lembaga Pemantauan Audit yang dilantik di bawah seksyen 31c;’.

Pindaan seksyen 31B

33. Seksyen 31B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “yang berhubungan dengan pemantauan audit” dengan perkataan “bagi maksud Bahagian IIIA”;
 - (b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
 - (c) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “entiti berkepentingan awam” dengan perkataan “entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual; dan”;
- dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) untuk menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal, sebagaimana yang dikehendaki untuk disediakan di bawah undang-undang sekuriti atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan seksyen 31c

34. Seksyen 31c Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 31B” perkataan “yang berhubungan dengan pemantauan audit”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” dengan perkataan “Lembaga”;

(c) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” dengan perkataan “Lembaga”; dan

(ii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”; dan

(d) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan memotong perkataan “hendaklah berkhidmat sepenuh masa dan” selepas perkataan “pengerusi eksekutif”; dan

(ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”.

Pindaan seksyen 31d

35. Seksyen 31D Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2)

Pindaan seksyen 31E**36.** Subseksyen 31E(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “di bawah seksyen 31B”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”;
- (c) dalam perenggan (f), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”;
- (d) dalam perenggan (g), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
- (e) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
 - “(ga) untuk menjalankan pemeriksaan ke atas orang sebagaimana yang ditentukan di bawah perenggan 31B(d); dan”.

Pindaan seksyen 31EA**37.** Subseksyen 31EA Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “jawatankuasa” perkataan “, tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pemantauan Audit”;
- (b) dalam subseksyen (5) teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “entitle” dengan perkataan “entitled ”;
- (c) dengan memotong subseksyen (11);
- (d) dalam subseksyen (12), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (10) dan (11)” dengan perkataan “subseksyen (10)”;
- (e) dalam subseksyen (13) teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “having” dengan perkataan “has”.

Pindaan seksyen 31L

38. Perenggan 31L(2)(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “dan kumpulan wang jadual”.

Pindaan tajuk di bawah Penggal 4 Bahagian IIIA

39. Tajuk Penggal 4 Bahagian IIIA Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Entiti Berkepentingan Awam” perkataan “atau Kumpulan Wang Jadual”.

Pindaan seksyen 31N

40. Seksyen 31N Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**entiti berkepentingan awam**” perkataan “**atau kumpulan wang jadual**”; dan

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”;

(ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”; dan

(iii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”.

Pindaan seksyen 31o

41. Seksyen 31o Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan pengiktirafan sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam**” dengan perkataan “**pendaftaran atau pengiktirafan sebagai juruaudit entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual**”;

- (b) dalam perenggan (1)(a), dengan memotong perkataan “atau pembaharuan pendaftaran”; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (3), (4) dan (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Lembaga Pemantauan Audit boleh semasa—

- (a) pendaftaran seseorang pemohon sebagai juruaudit berdaftar; atau
- (b) pemberian pengiktirafan seseorang pemohon sebagai juruaudit yang diiktiraf,

mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang Lembaga fikirkan perlu atau suai manfaat dan dari semasa ke semasa meminda mana-mana syarat sedemikian atau mengenakan syarat baharu atau syarat tambahan

(4) Lembaga Pemantauan Audit hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepada juruaudit yang berkenaan tentang pindaan mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3), dan syarat-syarat itu yang dipinda sedemikian atau syarat baharu atau syarat tambahan itu hendaklah berkuat kuasa pada masa notis itu disampaikan atau pada bila-bila masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(5) Tertakluk kepada seksyen 31P, Lembaga Pemantauan Audit boleh—

- (a) meluluskan atau menolak pendaftaran seseorang pemohon yang didaftarkan sebagai juruaudit berdaftar; atau
- (b) meluluskan atau menolak pemberian pengiktirafan seseorang pemohon sebagai juruaudit yang diiktiraf.”.

Pindaan seksyen 31P

42. Seksyen 31P Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “, **pembaharuan pendaftaran**”;

- (b) dalam subseksyen (1)—
- (i) dengan memotong perkataan “atau pembaharuan pendaftaran seseorang juruaudit berdaftar”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “atau juruaudit berdaftar”; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:
- “(2) Jika Lembaga Pemantauan Audit menolak—
- (a) pendaftaran seseorang pemohon sebagai juruaudit berdaftar;
 - (b) pemberian pengiktiran seseorang pemohon sebagai juruaudit yang diiktiraf,

Lembaga Pemantauan Audit hendaklah memberi pemohon itu suatu peluang untuk didengar dengan menyampaikan suatu notis bertulis kepada pemohon dengan menyatakan alasan bagi penolakan itu.”.

Pindaan seksyen 31q

- 43.** Subseksyen 31q(1) Akta ibu dipinda—
- (a) dalam subperenggan (b)(A), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu;
 - (b) dalam subperenggan (b)(B), dengan menggantikan perkataan “Bahagian ini.” dengan perkataan “Bahagian ini; atau”; dan
 - (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (b)(B) subperenggan yang berikut:

“(C) juruaudit gagal membayar apa-apa fi yang ditentukan oleh Lembaga Pemantauan Audit.”.

Pindaan seksyen 31r

- 44.** Subseksyen 31r Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perenggan 31q(1)(bb)” dengan perkataan “subperenggan 31q(1)(b)(B)”.

Pemotongan seksyen 31s

45. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 31s.

Pindaan seksyen 31v

46. Seksyen 31v Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) kecukupan dan kesesuaian bukti audit diperoleh berhubung dengan laporan audit yang disediakan oleh juruaudit yang berhubung dengan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Walau apa pun seksyen 31z, Lembaga Pemantauan Audit boleh mengarahkan juruaudit mengambil apa-apa langkah pemulihan untuk membetulkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan pemeriksaan itu.”.

Penggantian seksyen 31w

47. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 31w dengan seksyen yang berikut:

“Siasatan

31w. Lembaga Pemantauan Audit boleh melantik apa-apa bilangan Pegawai Siasatan sebagaimana yang didapati perlu oleh Lembaga bagi maksud menjalankan siasatan jika terdapat—

(a) pelanggaran mana-mana peruntukan Bahagian ini; atau

(b) pelanggaran atau ketidakpatuhan—

(i) mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 31o(3); atau

- (ii) mana-mana notis bertulis atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan seksyen 31y

48. Seksyen 31y Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau kumpulan wang jadual”.

Pindaan seksyen 31z

49. Subseksyen 31z Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 31o(4)” dengan perkataan “Bahagian ini”;

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 31o(4)” dengan perkataan “Bahagian ini”;

(ii) dengan menggantikan perenggan (f) dan (g) dengan perenggan yang berikut:

“(f) melarang orang yang berkenaannya daripada menerima mana-mana entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual sebagai pelanggannya atau menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual, sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang sekuriti atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan;

(g) melarang orang yang berkenaannya daripada mengaudit penyata kewangan atau menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual, sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang sekuriti atau garis panduan

yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau selama-lamanya; dan”;

- (c) dalam perenggan (3)(b), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 31o(4)” dengan perkataan “Bahagian ini”; dan
- (d) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “entiti berkepentingan awam” perkataan “atau kumpulan wang jadual”.

Pindaan seksyen 31ZD

50. Subseksyen 31ZD Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Kerjasama, penyelarasan dan perkongsian maklumat”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Dalam menentukan sama ada ia perlu untuk menjalankan kuasanya di bawah perenggan (1)(b), Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) sama ada pihak berkuasa yang berkaitan atau pihak berkuasa asing yang berkaitan itu akan membayar kepada Suruhanjaya apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung bagi memperuntukkan bantuan itu; dan
- (b) sama ada pihak berkuasa yang berkaitan atau pihak berkuasa asing yang berkaitan itu akan dapat dan bersedia untuk memberi bantuan bersaling sebagai balasan kepada suatu permintaan bagi bantuan yang sama daripada Suruhanjaya.”;

- (c) dengan menggantikan perenggan (2)(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) kecukupan dan kesesuaian keterangan audit diperolehi berhubung dengan laporan audit yang disediakan

oleh juruaudit yang berhubungan dengan penyata kewangan teraudit itu.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Lembaga Pemantauan Audit boleh mendedahkan dan berkongsi apa-apa penemuan di bawah Penggal 6 Bahagian ini dengan mana-mana entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual sekiranya Lembaga Pemantauan Audit berpendapat bahawa perkongsian penemuan itu adalah menurut fungsi Lembaga Pemantauan Audit di bawah seksyen 31B.”.

Bahagian baru IIIb dan IIIc

51. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IIIA, Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIIb

PENGURUSAN RISIKO SISTEMIK DALAM PASARAN MODAL

Tafsiran

31ZE. Bagi maksud Bahagian ini—

“peserta pasaran” termasuklah pelabur, penerbit, perantara, penyedia perkhidmatan pasaran modal, syarikat pemegangan bursa, bursa saham, bursa derivatif, depository pusat dan kemudahan penjelasan;

“risiko sistemik dalam pasaran modal” ertinya suatu keadaan apabila satu atau lebih keadaan yang berikut berlaku atau berkemungkinan akan berlaku:

- (a) kesulitan kewangan dalam seseorang peserta pasaran yang signifikan atau dalam beberapa peserta pasaran;
- (b) terjejasnya keteraturan dalam penjalanan pasaran modal; atau

- (c) terhakisnya keyakinan awam terhadap integriti pasaran modal.

Maklumat bagi maksud risiko sistemik

31ZF. (1) Suruhanjaya boleh, walau apa pun apa-apa peruntukan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti, dengan notis secara bertulis meminta mana-mana orang untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat atau dokumen—

- (a) yang didapati perlu oleh Suruhanjaya bagi maksud mengawasi, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik dalam pasaran modal; atau
- (b) jika Suruhanjaya menerima suatu permintaan daripada Bank Negara Malaysia di bawah seksyen 30 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika orang yang berkenaan adalah semata-mata di bawah penyeliaan atau pemantauan Bank Negara Malaysia, notis itu hendaklah dikeluarkan melalui Bank Negara Malaysia.

(3) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen di bawah seksyen ini hendaklah memberikan maklumat atau dokumen itu walau apa pun obligasi di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan sama ada nyata atau tersirat yang berlawanan.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan bagi risiko sistemik

31ZG. (1) Jika didapati perlu oleh Suruhanjaya bagi kepentingan mengawasi, mengurangkan atau menguruskan risiko sistemik dalam pasaran modal, Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis yang menghendaki mana-mana orang untuk mengambil apa-apa langkah yang didapati perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah mengambil kira kepentingan kestabilan kewangan.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), jika orang yang berkenaan adalah semata-mata di bawah penyeliaan atau pemantauan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya hendaklah membuat suatu syor kepada Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan arahan itu.

(4) Sebelum mengeluarkan suatu arahan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberikan orang itu suatu peluang untuk didengar.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu arahan di bawah subseksyen (1) tanpa terlebih dahulu memberikan orang itu suatu peluang untuk didengar jika apa-apa kelengahan dalam mengeluarkan arahan itu akan memburukkan lagi risiko sistemik dalam pasaran modal.

(6) Jika suatu arahan dikeluarkan menurut subseksyen (5), orang itu hendaklah diberikan suatu peluang untuk didengar selepas arahan itu dikeluarkan.

(7) Apabila seseorang diberikan suatu peluang untuk didengar di bawah subseksyen (6), suatu arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh dipinda atau diubah suai.

(8) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Perkiraan dengan pihak berkuasa penyeliaan lain

31ZH. (1) Walau apa pun peruntukan dalam undang-undang sekuriti, Suruhanjaya boleh bagi maksud mengawasi,

mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik dalam pasaran modal atau menyumbang terhadap kestabilan kewangan—

- (a) memberikan bantuan kepada mana-mana pihak berkuasa penyeliaan atau agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi menggalakkan kestabilan kewangan;
- (b) mendapatkan apa-apa maklumat atau dokumen daripada, atau berkongsi apa-apa maklumat atau dokumen dengan, mana-mana pihak berkuasa penyeliaan atau agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi menggalakkan kestabilan kewangan jika didapati perlu oleh Suruhanjaya bagi maklumat atau dokumen itu didapatkan atau dikongsikan dalam menguruskan risiko sistemik dalam pasaran modal atau menggalakkan kestabilan kewangan; atau
- (c) membuat perkiraan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain dan menyelaraskan langkah kestabilan dengan pihak berkuasa penyeliaan itu.

(2) Jika Suruhanjaya berkongsi apa-apa maklumat atau dokumen di bawah perenggan (1)(b)—

- (a) dengan mana-mana pihak berkuasa penyeliaan atau agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi menggalakkan kestabilan kewangan di Malaysia, apa-apa maklumat atau dokumen itu tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Suruhanjaya; atau
- (b) dengan mana-mana pihak berkuasa penyeliaan di luar Malaysia, pihak berkuasa penyeliaan itu hendaklah memberikan suatu aku janji yang sesuai bagi melindungi kerahsiaan maklumat atau dokumen itu dan maksud yang baginya maklumat atau dokumen itu boleh digunakan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “pihak berkuasa penyeliaan” ertinya mana-mana pihak berkuasa, badan, agensi atau entiti—

- (a) yang bertanggungjawab bagi mengawasi, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik dalam pasaran modal atau menggalakkan kestabilan kewangan; atau

- (b) yang bertanggungjawab bagi penyeliaan atau pemantauan perantara atau peserta pasaran modal.

PENGGAL IIIc

MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

Penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam

31zi. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan suatu Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam yang hendaklah menjadi pihak berkuasa bagi penentuan pemakaian prinsip Syariah bagi maksud urusan atau transaksi pasaran modal Islam.

(2) Majlis Penasihat Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Fungsi Majlis Penasihat Syariah

31zj. Majlis Penasihat Syariah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menentukan pemakaian prinsip Syariah mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam;
- (b) untuk mengeluarkan keputusan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam;
- (c) untuk menasihati Suruhanjaya mengenai apa-apa isu Syariah yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam;
- (d) untuk memberikan nasihat kepada mana-mana orang mengenai apa-apa isu Syariah yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam; dan
- (e) apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

Pelantikan anggota Majlis Penasihat Syariah

31zk. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri selepas berunding dengan Suruhanjaya, melantik sebagai anggota Majlis Penasihat Syariah orang yang mempunyai kelayakan dalam—

- (a) *fiqh muamalah*;
- (b) jurisprudens Islam;
- (c) kewangan Islam; atau
- (d) apa-apa disiplin lain yang berkaitan.

(2) Jika seorang hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, atau seorang hakim Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan, hendak dilantik di bawah subseksyen (1), pelantikan itu tidak boleh dibuat kecuali—

- (a) dalam hal seorang hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, selepas rundingan dibuat oleh Suruhanjaya dengan Ketua Hakim Negara; dan
- (b) dalam hal seorang hakim Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan, selepas rundingan dibuat oleh Suruhanjaya dengan Ketua Hakim Syarie Negeri atau Wilayah Persekutuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Seseorang anggota majlis Penasihat Syariah yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diperuntukkan dalam surat pelantikan mereka masing-masing, dan adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Anggota Majlis Penasihat Syariah hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Urus setia Majlis Penasihat Syariah

31ZL. Suruhanjaya boleh—

- (a) menubuhkan urus setia dan apa-apa jawatankuasa lain yang didapati perlu oleh Suruhanjaya untuk membantu Majlis Penasihat Syariah dalam menjalankan fungsinya; dan
- (b) melantik seorang pegawai Suruhanjaya atau mana-mana orang lain untuk menjadi anggota urus setia atau mana-mana jawatankuasa itu.

Nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah

31ZM. Mana-mana orang berlesen, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan, depository pusat, perbadanan tersenarai atau mana-mana orang lain boleh –

- (a) mendapatkan nasihat; atau
- (b) membuat rujukan untuk mendapatkan suatu keputusan,

Majlis Penasihat Syariah mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam bagi menentukan bahawa ia tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

Rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah bagi keputusan daripada mahkamah atau penimbang tara

31ZN. (1) Jika dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara mengenai suatu perkara Syariah berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam, mahkamah atau penimbang tara itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah—

- (a) mengambil kira apa-apa keputusan Majlis Penasihat Syariah; atau
- (b) merujuk perkara itu kepada Majlis Penasihat Syariah untuk keputusannya.

(2) Apa-apa permintaan untuk nasihat atau suatu keputusan Majlis Penasihat Syariah di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain hendaklah dikemukakan kepada urus setia.

Kesan keputusan Syariah

31zo. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah di bawah seksyen 31zM atau 31ZN hendaklah mengikat—

- (a) orang berlesen, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan, depository pusat, perbadanan tersenarai atau mana-mana orang lain yang disebut dalam seksyen 31zM; dan
- (b) mahkamah atau penimbang tara yang disebut dalam seksyen 31ZN.

Keputusan Majlis Penasihat Syariah terpakai

31zP. (1) Jika keputusan yang diberikan oleh seorang penasihat Syariah berdaftar kepada seseorang yang terlibat dalam apa-apa urusan atau transaksi pasaran modal Islam berbeza dengan keputusan yang diberikan oleh Majlis Penasihat Syariah, keputusan Majlis Penasihat Syariah hendaklah terpakai.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “penasihat Syariah berdaftar” ertinya seseorang yang berdaftar di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 377 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.”.

Penggantian seksyen 126

52. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 126 dengan seksyen yang berikut:

“Pemeriksaan oleh Suruhanjaya

126. (1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, memeriksa, tanpa memberikan apa-apa notis terlebih dahulu, buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi—

- (a) mana-mana orang berlesen, berdaftar, diluluskan, diiktiraf atau dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;

- (b) mana-mana orang yang menjalankan apa-apa fungsi khidmat luar bagi orang yang disebut di dalam perenggan (a); atau
- (c) sesuatu cawangan atau anak syarikat seseorang orang berlesen.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) dan mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah memberi segala bantuan dan mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau perkara, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya, bagi membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsinya.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(a) dan (b), “orang” tidak termasuk orang yang ditentukan dalam Ruang Ketiga Bahagian 1 Jadual 4 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.”.

Penggantian seksyen 135

53. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 135 dengan seksyen yang berikut:

“Pemusnahan, menyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod

135. Mana-mana orang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah;
- (b) menyebabkan orang lain memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau
- (c) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar keluar dari Malaysia,

apa-apa dokumen, rekod atau akaun dengan niat untuk memfraud mana-mana orang, atau untuk mencegah, melengahkan atau menghalang perjalanan suatu pemeriksaan, pengauditan atau penyiasatan, atau perjalanan mana-mana fungsi atau kuasa

di bawah undang-undang sekuriti melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.”.

Penggantian seksyen 148

54. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 148 dengan seksyen yang berikut:

“Obligasi kerahsiaan

148. (1) Tertakluk kepada seksyen 124 Akta Keterangan 1950, orang-orang yang ditentukan dalam subseksyen (2) tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehi olehnya semasa menjalankan fungsinya dan yang tidak disiarkan mengikut undang-undang sekuriti, melainkan—

- (a) jika penzahiran itu dibenarkan di bawah suatu peruntukan undang-undang sekuriti;
- (b) bagi maksud membantu atau membolehkan Suruhanjaya dalam menjalankan fungsinya di bawah undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (c) dalam mana-mana prosiding jenayah dan sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya; atau
- (d) jika penzahiran itu dibenarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi orang yang berikut:

- (a) seorang anggota—
 - (i) Suruhanjaya;
 - (ii) Majlis Penasihat Syariah;
 - (iii) Lembaga Pemantauan Audit; atau
 - (iv) Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal;
- (b) seorang anggota mana-mana jawatankuasa Suruhanjaya, Majlis Penasihat Syariah, Lembaga Pemantauan Audit atau Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal;

- (c) seorang pegawai atau ejen Suruhanjaya; atau
- (d) seseorang yang menghadiri mana-mana mesyuarat—
 - (i) Suruhanjaya;
 - (ii) mana-mana jawatankuasa Suruhanjaya;
 - (iii) Majlis Penasihat Syariah;
 - (iv) Lembaga Pemantauan Audit;
 - (v) Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.

Seksyen baru 148A dan 148B

55. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 148 seksyen yang berikut:

“Penzahiran yang dibenarkan dalam suatu prosiding penguatkuasaan sivil

148A. (1) Dalam mana-mana prosiding penguatkuasaan sivil oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh diperintahkan untuk memberikan penzahiran atau mengemukakan untuk pemeriksaan di bawah Perintah 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] dokumen yang berikut yang telah atau berada dalam milikan, jagaan atau kuasa Suruhanjaya hasil daripada pelaksanaan atau perjalanan oleh Suruhanjaya mana-mana fungsinya di bawah undang-undang sekuriti:

- (a) apa-apa dokumen yang dikeluarkan secara sukarela atau didedahkan oleh defendan kepada Suruhanjaya menurut perjalanan kuasa Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti;
- (b) apa-apa dokumen yang disita daripada defendan atau pegawai atau ejennya menurut seksyen 128;

- (c) apa-apa senarai yang disediakan oleh Suruhanjaya dan ditandatangani oleh defendan atau pegawai atau ejennya menurut seksyen 129;
- (d) apa-apa surat-menyurat antara Suruhanjaya dengan defendan atau peguam cara atau ejennya;
- (e) apa-apa pernyataan oleh defendan yang direkodkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 31x dan 134;
- (f) apa-apa notis yang disampaikan kepada defendan di bawah subseksyen 31x(1), 128(5) dan 134(1);
- (g) maklumat dagangan yang berhubungan dengan aktiviti dagangan defendan yang Suruhanjaya bergantung atau akan bergantung kepadanya dalam prosiding sivil itu; dan
- (h) apa-apa dokumen yang Suruhanjaya berniat untuk mengemukakan di dalam prosiding sivil itu.

(2) Suruhanjaya tidak boleh diperintahkan untuk memberi penzahiran atau mengemukakan untuk pemeriksaan di bawah Perintah 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 apa-apa dokumen selain yang tersenarai dalam subseksyen (1) melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa terdapat alasan yang kukuh dan luar biasa dan tidak menjejaskan kepentingan awam, untuk memerintahkan Suruhanjaya untuk memberi penzahiran atau mengemukakan untuk pemeriksaan dokumen itu.

(3) Mahkamah tidak boleh membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan dokumen yang berikut:

- (a) apa-apa dokumen, selain dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), yang berada atau telah berada dalam milikan, jagaan atau kuasa Suruhanjaya hasil daripada pelaksanaan atau perjalanan oleh Suruhanjaya apa-apa fungsi penyeliaan dan penguatkuasaannya atau kuasanya di bawah undang-undang sekuriti;
- (b) aduan, laporan atau permintaan yang diterima oleh Suruhanjaya untuk menyasat atau memberikan bantuan bagi apa-apa kemungkinan atau dakwaan pelanggaran undang-undang sekuriti;
- (c) dokumen dalaman Suruhanjaya;

- (d) apa-apa surat-menyurat atau komunikasi antara Suruhanjaya dengan—
- (i) mana-mana pegawai awam;
 - (ii) mana-mana badan berkanun;
 - (iii) mana-mana pihak berkuasa penyeliaan asing;
 - (iv) mana-mana bursa saham, bursa derivatif, pasaran diiktiraf, pusat penjelasan atau depositori pusat;
 - (v) mana-mana orang yang dilantik oleh Suruhanjaya untuk membantu siasatannya; atau
 - (vi) mana-mana orang yang telah memfailkan atau membuat suatu aduan, laporan atau permintaan kepada Suruhanjaya menurut perenggan (b);
- (e) apa-apa dokumen atau salinan dokumen itu, yang dihantar kepada atau diterima oleh Suruhanjaya daripada, orang yang ditentukan di bawah perenggan (d); dan
- (f) semua pernyataan yang direkodkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 31x dan 134 selain pernyataan yang direkodkan daripada defendan.

(4) Seksyen ini hendaklah terpakai dan mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun apa-apa yang tidak selaras, atau yang berlawanan dengannya, yang terkandung dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 atau mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa kaedah undang-undang atau amalan yang berhubungan dengan penzahiran dan pemeriksaan dokumen dalam prosiding sivil.

Kerahsiaan maklumat penyeliaan

148B. (1) Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 148, jika Suruhanjaya mengeluarkan apa-apa dokumen atau maklumat berhubung dengan—

- (a) apa-apa perkadaran yang diberikan oleh Suruhanjaya kepada; atau

(b) apa-apa penilaian penyeliaan yang dibuat oleh Suruhanjaya ke atas,

mana-mana orang yang ditentukan di bawah subseksyen 126(1), orang itu, atau mana-mana pengarah, pegawai atau juruauditnya tidak boleh menzahirkan dokumen atau maklumat itu kepada mana-mana orang lain, melainkan jika dibenarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 150

56. Seksyen 150 Akta ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan “**pihak berkuasa menyelia**” dengan perkataan “**pihak berkuasa penyeliaan asing**”;

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “dalam” dengan perkataan “di bawah”; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia asing” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing”;

(c) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Dalam seksyen ini” dengan perkataan “Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 150A”; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia asing” dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing”;

- (d) dalam subseksyen (3) teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “a securities law” dengan perkataan “the securities laws”; dan
- (e) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia asing” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia asing” dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing”.

Pindaan seksyen 150A

57. Seksyen 150A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan “**pihak berkuasa menyelia asing**” dengan perkataan “**pihak berkuasa penyeliaan asing**”;
- (b) dalam subseksyen (1) teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia asing” dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing”; dan
- (c) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia asing” dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa menyelia asing” dengan perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing”.

Pemotongan seksyen 151

58. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 151.

Penggantian seksyen 151A

59. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 151A dengan seksyen yang berikut:

“Peruntukan keterangan

151A. Dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil, apa-apa—

- (a) pernyataan yang berupa ditandatangani oleh Pengerusi atau mana-mana orang lain yang kuasa telah diwakilkan kepadanya di bawah seksyen 17, yang menjadi sebahagian daripada atau yang dilampirkan kepada mana-mana surat, daftar, rekod atau dokumen, dengan apa jua cara dinyatakan, diperihalkan atau digambarkan; atau
- (b) minit mesyuarat yang dibuat oleh Lembaga, Lembaga Pemantauan Audit, atau mana-mana jawatankuasa Lembaga atau Lembaga Pemantauan Audit, sekiranya ditandatangani,

boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* bagi fakta yang dinyatakan di dalamnya.”

Pindaan seksyen 152A.

60. Seksyen 152A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) apa-apa keputusan yang dikeluarkan di bawah undang-undang sekuriti;” dan

- (b) dalam perenggan (g), dengan memasukkan selepas perkataan “tindakan” perkataan “atau langkah”.

Penggantian seksyen 160

61. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 160 dengan seksyen yang berikut:

“Kekebalan

160. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan, atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap—

- (a) Suruhanjaya;
- (b) mana-mana orang yang merupakan atau pernah menjadi—
 - (i) seorang anggota Lembaga, Majlis Penasihat Syariah, Lembaga Pemantauan Audit, Dana Pembangunan Pasaran Modal atau Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal, atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya, Majlis Penasihat Syariah, Lembaga Pemantauan Audit, Dana Pembangunan Pasaran Modal atau Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal; atau
 - (ii) seorang pegawai Suruhanjaya; atau
- (c) mana-mana orang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 145,

bagi atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat, ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat oleh orang yang ditentukan dalam perenggan (a), (b) atau (c), dalam melaksanakan fungsi mereka, dalam melaksanakan undang-undang sekuriti atau dalam menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan, sama ada secara nyata atau tersirat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang sekuriti:

Dengan syarat bahawa apa-apa perbuatan, pernyataan, pelaksanaan fungsi atau perjalanan kuasa itu dilakukan atau dibuat dengan suci hati.

Seksyen baru 160A

62. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 160 seksyen yang berikut:

“Kuasa mengeluarkan arahan bagi menunaikan obligasi antarabangsa Kerajaan di bawah Ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

160A. (1) Jika Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memutuskan, menurut Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, mengenai langkah yang hendaklah diambil bagi memberi kuat kuasa kepada mana-mana keputusannya dan menghendaki Kerajaan Malaysia supaya menerima pakai langkah itu, Suruhanjaya boleh, berhubung dengan langkah itu yang dalam fungsi Suruhanjaya, mengeluarkan arahan secara bertulis kepada mana-mana orang yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan, diiktiraf atau diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang sekuriti, bagi membolehkan langkah itu diterima pakai dengan berkesan.

(2) Suatu arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada arahan untuk membekukan akaun sekuriti, wang dan aset.

(3) Seseorang yang baginya suatu arahan dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi arahan itu walau apa pun apa-apa kewajipan lain yang dikenakan ke atas orang itu oleh mana-mana kontrak atau undang-undang atau perjanjian antarabangsa.

(4) Seseorang yang menjalankan apa-apa tindakan sebagai mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), tidak boleh dikira sebagai melanggar mana-mana kontrak atau undang-undang atau perjanjian antarabangsa itu.

(5) Seksyen ini tidak terpakai bagi orang berdaftar sebagaimana yang ditentukan dalam Ruang Ketiga Bahagian 1 Jadual 4 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(6) Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.”.

Penggantian Jadual 1

63. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual 1 dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL 1
Bahagian 1
[Seksyen 2]

- (a) suatu syarikat awam tersenarai atau suatu perbadanan disenaraikan pada bursa saham;
- (b) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];
- (c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
- (d) seseorang pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];
- (e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (f) suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah seksyen 212 atau 223 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
- (h) seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi perjalanan aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti, berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang;
- (i) suatu syarikat pemegang bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (k) suatu depository pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti;
- (n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (p) Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal;
- (q) mana-mana orang lain yang, boleh ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Bahagian 2

- (a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (b) suatu skim unit amanah yang diluluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh Suruhanjaya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Kecualian dan peralihan**64. (1) Bagi maksud seksyen ini—**

“tarikh kuat kuasa” ertinya tarikh permulaan kuat kuasa yang berkaitan Akta ini atau peruntukan yang berkenaan Akta ini;

“Bahagian dimansuhkan” ertinya Bahagian IXA Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sebelum tarikh kuat kuasa;

“seksyen dimansuhkan” ertinya seksyen 316A, 316B, 316C, 316D, 316E, 316F, 316G dan 316H Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sebelum tarikh kuat kuasa.

(2) Berkenaan dengan Suruhanjaya—

- (a) perubahan nama daripada “Suruhanjaya Sekuriti” kepada “Suruhanjaya Sekuriti Malaysia” tidaklah menyentuh apa-apa kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Suruhanjaya Sekuriti, atau mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya;
- (b) mana-mana prosiding undang-undang yang tidak dapat diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Suruhanjaya Sekuriti sebelum tarikh kuat kuasa boleh diteruskan atau dimulakan pada atau selepas tarikh kuat kuasa atas nama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- (c) semua peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, pengecualian dan perundangan subsidiari lain, tidak kira bagaimana jua disebut, dibuat, diberikan, atau dilakukan oleh Suruhanjaya sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya;

- (d) semua kelulusan, arahan, notis, garis panduan, pekeliling, nota panduan, nota amalan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan eksekutif lain, tidak kira bagaimana jua disebut, diberikan, dibuat atau dilakukan oleh Suruhanjaya sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan telah diberikan, dibuat atau dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya;
- (e) apa-apa permohonan bagi suatu kelulusan atau persetujuan, atau bagi apa-apa jua maksud lain, atau apa-apa rayuan yang berhubungan dengan permohonan itu, yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Menteri atau Suruhanjaya sebelum tarikh kuat kuasa, dan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah, jika ada peruntukan yang bersamaan dalam Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, diuruskan seolah-olah ia dibuat di bawah peruntukan itu dan, jika tiada peruntukan yang bersamaan itu, permohonan atau rayuan itu hendaklah luput pada tarikh kuat kuasa; dan
- (f) segala wang yang terkandung dalam atau yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta ibu di bawah pentadbiran dan kawalan Suruhanjaya Sekuriti hendaklah, pada tarikh kuat kuasa, disifatkan berada di bawah pentadbiran dan kawalan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan atau kemungkiran yang dilakukan di bawah undang-undang sekuriti sebelum tarikh kuat kuasa Akta ini atau mana-mana prosiding yang dibawa, hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan atau kemungkiran itu.

(4) Apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang diperoleh, terakru atau ditanggung sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan itu tidaklah tersentuh oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ini tidak pernah diperbuat.

(5) Berkenaan dengan Majlis Penasihat Syariah—

- (a) Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen dimansuhkan dan anggotanya yang dilantik di bawah seksyen dimansuhkan yang sama hendaklah disifatkan sebagai ditubuhkan dan dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah atau mengikut Akta ibu seperti mana yang dipinda oleh Akta ini; dan
- (b) apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dibuat secara sah di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya berhubung dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda.

(6) Jika dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa sebutan yang dibuat mengenai mana-mana peruntukan tertentu Bahagian dimansuhkan, ia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini yang hampir-hampir bersamaan dengan peruntukan tertentu itu.

(7) Tiada apa-apa jua dalam Bahagian dimansuhkan atau seksyen dimansuhkan boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan atau kemungkiran yang dilakukan di bawah Bahagian dimansuhkan atau seksyen dimansuhkan itu sebelum tarikh kuat kuasa atau mana-mana prosiding yang dibawa, hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan atau kemungkiran itu.

(8) Apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang diperolehi, terakru atau ditanggung sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan itu tidaklah tersentuh oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ini tidak pernah diperbuat.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (“Akta 498”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk membuat pindaan berkenaan dengan perubahan nama Suruhanjaya, untuk mengadakan

peruntukan tadbir urus Suruhanjaya, pindaan berkenaan dengan peruntukan Lembaga Pemantauan Audit, untuk memperkukuh kuasa pengawalseliaan Suruhanjaya, untuk menjelaskan jenis-jenis dokumen yang boleh dan tidak boleh dizahirkan oleh Suruhanjaya dalam suatu prosiding penguatkuasaan sivil dan untuk mengadakan peruntukan bagi pelbagai perkara berbangkit yang lain.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am yang berhubungan dengan perubahan nama Suruhanjaya kepada “Suruhanjaya Sekuriti Malaysia”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa sebutan mengenai Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perubahan nama Suruhanjaya daripada Suruhanjaya Sekuriti kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 498 untuk memasukkan takrif baru ke dalam Akta 498 dan meminda takrif sedia ada dalam Akta 498.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda Akta 498 dengan memindahkan seksyen sedia ada 151 Akta 498 ke seksyen 2G Akta 498 dengan pengubahsuaian.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Suruhanjaya, keanggotaan dan fungsi-fungsinya.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A dan 4B ke dalam Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi kriteria objektif bagi pelantikan anggota Lembaga, menjelaskan fungsi Pengerusi dan untuk menjelaskan peranan Timbalan Ketua Eksekutif dan peruntukan mengenai orang yang patut bertindak semasa ketiadaan Pengerusi atau Timbalan Ketua Eksekutif, mengikut mana-mana yang berkenaan.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 498 bagi mengadakan peruntukan bagi kriteria yang menyebabkan seseorang anggota Lembaga boleh hilang kelayakan.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 498 bagi memperjelas tempoh pelantikan dan pelantikan semula Pengerusi, Timbalan Ketua Eksekutif dan anggota-anggota Lembaga yang lain.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 498 memandangkan kuasa Menteri untuk membatalkan pelantikan anggota Lembaga sekarang diperuntukkan dalam seksyen 8 Akta 498 yang dicadangkan.

13. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 498 untuk memberi Menteri hal keadaan yang jelas dan berobjektif bagi membolehkannya membatalkan pelantikan seseorang anggota Lembaga.

14. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi anggota Lembaga atau mana-mana orang yang diundang ke mesyuarat Lembaga boleh dibayar saraan dan elaun yang boleh ditentukan oleh Menteri.

15. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi Pengerusi mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.

16. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi membenarkan Lembaga mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau pertimbangan bagi maksud menasihati Lembaga tentang apa-apa perkara yang dibincangkan.

17. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi anggota Lembaga menzahirkankan kepentingannya berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga.

18. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi Lembaga menyenggara rekod minit semua mesyuaratnya dan bagi memindahkan peruntukan sekarang mengenai minit mesyuarat menjadi keterangan *prima facie* dalam mana-mana prosiding undang-undang ke dalam seksyen baru 151A sebagaimana yang dicadangkan oleh Akta ini.

19. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 498 bagi menggantikan perkataan “sekuriti dan derivatif” dengan perkataan “pasaran modal”. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa Suruhanjaya mengawal selia pasaran modal, yang termasuklah pasaran sekuriti dan derivatif. Pindaan yang dicadangkan juga meluaskan fungsi Suruhanjaya untuk mengawal selia juruaudit kumpulan wang jadual, dan bagi menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal.

20. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi Lembaga dan Pengerusi mewakili mana-mana fungsinya.

21. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa, menjemput mana-mana orang untuk menjadi ahli jawatankuasa Lembaga dan untuk memotong subseksyen sedia ada 18(3), (4), (5), (6) dan (7) memandangkan peruntukan subseksyen-subseksyen itu dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam seksyen baru 18A.

22. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 18A ke dalam Akta 498 mengenai tatacara jawatankuasa Lembaga.

23. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 498 untuk memotong terma “pengkhidmat-pengkhidmat”.

24. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 498 untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengeluarkan polisi mengenai tata tertib dan etika pegawai-pegawainya.
25. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 22A Akta 498 bagi memperluas kuasa Suruhanjaya untuk menubuhkan atau menyertai mana-mana pertubuhan perbadanan.
26. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 498 bagi memberi Suruhanjaya kuasa untuk menerima semua wang lain yang dibayar kepada Suruhanjaya secara sah.
27. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 498 berbangkit daripada pengenalan rangka kerja pasaran yang diiktiraf dalam cadangan pindaan kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
28. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 498 bagi menjelaskan bahawa Suruhanjaya boleh membuat apa-apa bayaran atau memberi geran daripada kumpulan wangnya bagi menguatkuasakan peruntukan undang-undang sekuriti.
29. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi Lembaga mengesyorkan kepada Menteri yang berhubung dengan kuasa Suruhanjaya untuk meminjam.
30. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 31A Akta 498 bagi memasukkan takrif baru “pengerusi eksekutif” ke dalam seksyen 31A Akta 498 yang bertujuan untuk menjelaskan bahawa pengerusi eksekutif yang disebut dalam Bahagian IIIA Akta 498 ialah pengerusi eksekutif Lembaga Pemantauan Audit, dan juga untuk meminda takrif sedia ada dalam seksyen itu.
31. *Fasal 33, 34, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 48 dan 49* masing-masingnya bertujuan untuk meminda seksyen 31B, 31C, 31E, 31L, tajuk Penggal 4 Bahagian IIIA, 31N, 31O, 31P, 31Y dan 31Z Akta 498 bagi memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengawal selia juruaudit kumpulan wang jadual dan untuk memantau mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual di bawah undang-undang sekuriti atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, mengambil kira peranan yang dijalankan oleh orang itu dalam penyediaan laporan kewangan yang menjadi sandaran orang awam. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengeluarkan peruntukan membaharui pendaftaran juruaudit agar selaras dengan rangka kerja bagi perlesenan.
32. *Fasal 35* bertujuan untuk memotong subseksyen 31D(2) memandangkan peruntukan itu telah diperuntukkan di bawah seksyen 159A Akta 498.
33. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda seksyen 31EA Akta 498 untuk memperjelas bahawa Lembaga Pemantauan Audit boleh menentukan terma dan syarat dalam melantik anggota kepada sesuatu jawatankuasa Lembaga Pemantauan Audit.

34. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 31Q Akta 498 bagi membolehkan Lembaga Pemantauan Audit membatalkan, menarik balik atau menggantung pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit atas kegagalan membayar apa-apa fi yang ditetapkan.

35. *Fasal 45* bertujuan untuk memotong seksyen 31s Akta 498 berbangkit daripada pemotongan rangka kerja pembaharuan pendaftaran atau rangka kerja pengiktirafan.

36. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 31v Akta 498 untuk menjelaskan skop keterangan audit dan bagi membolehkan Lembaga Pemantauan Audit untuk mengarahkan juruaudit mengambil langkah-langkah pembaikan untuk membetulkan perkara yang dibangkitkan dalam laporan pemeriksaan.

37. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda seksyen 31zD Akta 498 bagi menyelaraskan pertimbangan oleh Lembaga Pemantauan Audit dalam memberikan bantuan atau kerjasama kepada pihak berkuasa menyelia asing dengan seksyen 150 Akta 498.

38. *Fasal 51* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IIIb dan IIIc ke dalam Akta 498. Bahagian baru IIIb mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pengurusan risiko sistemik dalam pasaran modal manakala Bahagian baru IIIc mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan Majlis Penasihat Syariah. Kedua-dua Bahagian ini dipindahkan daripada peruntukan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ke dalam Akta 498 untuk menggabungkan kuasa Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti ke dalam satu perundangan.

39. *Fasal 52* bertujuan untuk meminda seksyen 126 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi meluaskan kategori orang yang dikawal selia oleh Suruhanjaya dan bukannya menyenaraikan setiap entiti yang berlainan. Pindaan yang dicadangkan juga meluaskan rangka kerja pengawasan Suruhanjaya untuk memasukkan orang yang menjalankan fungsi khidmat luar, dan cawangan atau anak syarikat seseorang yang berlesen.

40. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda seksyen 135 Akta 498 dengan seksyen 135 yang baru bagi memperluas pemakaian seksyen ini kepada orang yang menyebabkan seseorang yang lain untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencatitkan atau mengubah rekod atau akaun yang dikehendaki untuk dikeluarkan di bawah Bahagian V Akta 498. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menekankan beratnya kesalahan dengan mengenakan hukuman pemenjaraan mandatori sebagai tambahan kepada denda.

41. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda seksyen 148 Akta 498 untuk menjelaskan maksud atau keadaan apabila sesuatu penzahiran dibenarkan, tertakluk kepada pemakaian seksyen 124 Akta Keterangan 1950. Cadangan pindaan ini juga mengenakan suatu obligasi kerahsiaan ke atas anggota, pegawai, ejen dan pengkhidmat Suruhanjaya, Majlis Penasihat Syariah, Lembaga Pemantauan Audit, Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal dan jawatankuasanya, dan mana-mana orang yang menghadiri mesyuarat entiti itu atau jawatankuasanya, kecuali di bawah hal keadaan tertentu.

42. *Fasal 55* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 148A dan 148B ke dalam Akta 498. Seksyen baru 148A bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu senarai dokumen dan maklumat yang boleh dan tidak boleh dizahirkan di bawah suatu prosiding penguatkuasaan sivil yang dimulakan oleh Suruhanjaya bagi memastikan maklumat rahsia itu adalah tidak tertakluk kepada proses penzahiran di bawah mana-mana tindakan penguatkuasaan sivil. Seksyen baru 148B yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan suatu obligasi kerahsiaan orang yang ditentukan di bawah seksyen 126 Akta 498 jika Suruhanjaya telah berkongsi maklumat atau dokumen berkaitan penyeliaannya dengan orang itu.

43. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 150 Akta 498 untuk memperluas pemakaian perkataan “pihak berkuasa penyeliaan asing” kepada seksyen 150A.

44. *Fasal 58* bertujuan untuk memotong seksyen 151 Akta 498 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2G.

45. *Fasal 59* bertujuan untuk meminda seksyen 151A Akta 498 untuk mengadakan peruntukan berkaitan keterangan.

46. *Fasal 60* bertujuan untuk meminda seksyen 152A Akta 498 untuk memberi penjelasan bahawa keputusan yang disebut dalam seksyen ini adalah keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti.

47. *Fasal 61* bertujuan untuk meminda seksyen 160 Akta 498 untuk menjelaskan bahawa tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap Suruhanjaya, anggota Lembaga Suruhanjaya yang terdahulu atau sekarang, Majlis Penasihat Syariah, Lembaga Pemantauan Audit, Dana Pembangunan Pasaran Modal, ahli jawatankuasanya masing-masing, pegawai Suruhanjaya, dan mana-mana orang yang diambil oleh Suruhanjaya, jika orang itu telah bertindak dengan suci hati dalam menunaikan fungsinya di bawah undang-undang sekuriti.

48. *Fasal 62* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 160A ke dalam Akta 498 untuk memberikan Suruhanjaya kuasa mengeluarkan arahan kepada mana-mana orang yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan, diiktiraf atau diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang sekuriti apabila Kerajaan Malaysia dikehendaki untuk menerima pakai langkah-langkah untuk memberi kuat kuasa kepada keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu menurut Artikel 41 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, yang boleh termasuk pembekuan akaun sekuriti, wang dan aset orang-orang atau entiti yang ditentukan di bawah resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

49. *Fasal 63* bertujuan untuk meminda Jadual 1 kepada Akta 498 untuk memperluas kategori entiti berkepentingan awam di bawah Bahagian 1 untuk memasukkan institusi pasaran modal dan Dana Pembangunan Pasaran Modal, dan untuk memasukkan kategori baru entiti yang dipanggil kumpulan wang jadual di bawah Bahagian 2, yang termasuklah skim unit amanah dan skim persaraan swasta.

50. *Fasal 64* mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.
51. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2939]